



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 45  
No. 26

**27hb Disember 2001**

*TAMBAHAN No. 3  
ENAKMEN*

---

---

Enakmen-enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Melaka pada 4, 5 dan 6 Disember 2001, adalah diisytiharkan untuk makluman umum:

No. Enakmen	Tajuk ringkas	Muka Surat
5	Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2001	125
6	Enakmen Perbekalan Tambahan (2001) (No. 3) 2001	189
7	Enakmen Perbekalan (2002) 2001	193

The following Enactments passed by the Legislative Assembly, Malacca, on the 4, 5 and 6 December 2001, are published for general information:

Enactment No.	Short title	Page
5	Entertainment and Places of Entertainment Enactment 2001	159
6	Supplementary Supply (2001) (No. 3) Enactment 2001	191
7	Supply (2002) Enactment 2001	195

**MELAKA**

**ENAKMEN No. 5 tahun 2001**

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT  
HIBURAN 2001**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PENTADBIRAN**

3. Pelantikan Pegawai Pelesen.
4. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan arahan.
5. Pemberikuasaan.

**BAHAGIAN III**

**PELESENAN**

6. Hiburan tanpa lesen dilarang.
7. Larangan terhadap penjualan tiket, dsb., untuk hiburan tanpa lesen.
8. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
9. Pemberian lesen.
10. Fi lesen.
11. Syarat atau sekatan.
12. Tempoh lesen.
13. Pembaharuan lesen bukan suatu hak.
14. Lesen hendaklah dipamerkan.
15. Jaminan.

## Seksyen

16. Pembatalan lesen.
17. Rayuan.

## BAHAGIAN IV

KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP,  
MENYITA, MELUCUTHAKKAN, DSB.

18. Kuasa penguatkuasaan.
19. Kuasa penyiasatan.
20. Kuasa tambahan.
21. Kuasa menutup tempat hiburan.
22. Kuasa menangkap tanpa waran.
23. Penggeledahan dengan waran.
24. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran.
25. Senarai benda disita.
26. Waran boleh diterima walaupun cacat.
27. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.
28. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.
29. Pelucuthakan.
30. Pelucuthakan jika ada pendakwaan.
31. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan.
32. Kos memegang barang, dsb., yang disita.
33. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan.
34. Kuasa pegawai polis tidak tersentuh.
35. Pelindungan pemberi maklumat.

## BAHAGIAN V

## KESALAHAN DAN PENDAKWAAN

36. Halangan.
37. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran.

Seksyen

38. Penalti am.
39. Liabiliti pengarah, dll.
40. Permulaan pendakwaan.
41. Pengkompaunan kesalahan.

## BAHAGIAN VI

### PELBAGAI

42. Kerahsiaan.
43. Pelindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang.
44. Pekhidmat awam.
45. Pengecualian.
46. Peraturan-peraturan.
47. Pemansuhan.



MELAKA

**ENAKMEN No. 5 tahun 2001**

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR  
NEGERI,  
Negeri  
Melaka)

TUN DATUK SERI UTAMA  
SYED AHMAD AL-HAJ BIN  
SYED MAHMUD SHAHABUDIN,  
*Yang di-Pertua Negeri,  
Negeri Melaka*

26 Disember 2001

Suatu Enakmen untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan hiburan dan tempat-tempat hiburan, dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[ ]

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2001.

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan melalui *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hiburan” termasuklah—

- (a) lakonan, opera, pantomim, lakonan aneka ragam, persembahan muzik, nyanyian, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, gerak akrobatik dan silap mata, pertandingan kecantikan, tablo, tunjuk cara, peragaan dan pawai yang dalamnya orang hidup mengambil bahagian;
- (b) pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupa-an makhluk-makhluk benar atau khayalan;
- (c) sarkas dan pameran binatang;
- (d) pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf atau ukiran atau rupa-an patung atau rupa-an-rupa-an lain berbentuk manusia atau binatang;
- (e) pameran filem sinematograf, wayang gambar video dan pertunjukan boneka;
- (f) reproduksi atau siaran, dengan apa-apa cara jua pun selain telefoni atau telefoni radio, bagi apa-apa muzik, lagu atau ucapan, selain yang berkaitan dengan sesuatu filem sinematograf;
- (g) mesin dan peranti yang, jika dimanipulasi, memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang;
- (h) meja pin, biliard, snuker dan permainan video;
- (i) apa-apa jenis pertandingan sukan antara apa-apa bilangan orang atau binatang;
- (j) pertandingan terancang bagi permainan kemahiran atau nasib;
- (k) pesta perdagangan, pertanian atau industri yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil atau bahan-bahan;
- (l) apa-apa kombinasi mana-mana bentuk hiburan yang tersebut di atas; atau

(m) apa-apa hiburan lain yang diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa melalui perintah dalam *Warta*,

di mana-mana tempat yang orang ramai dibenarkan memasukinya dengan atau tanpa bayaran wang atau apa-apa balasan lain;

“lesen” ertinya sesuatu lesen yang diberikan di bawah subseksyen 9(1);

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Majistret Kelas Pertama;

“meja pin” ertinya apa-apa meja, papan atau alatan lain, yang dikendalikan dengan syiling atau cakera, yang direka bentuk untuk membolehkan pengendalinya bermain suatu permainan yang kejayaannya diukur dengan pendorongan satu atau lebih daripada satu objek bergerak ke arah sasaran atau matlamat atau dengan pemeolehan suatu bilangan mata atau dengan kedua-duanya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya Pegawai Pelesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pegawai Pelesen secara bertulis di bawah seksyen 5;

“Pegawai Pelesen” ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3;

“peraturan-peraturan” ertinya apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di dalam Negeri Melaka di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] atau mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan penubuhan kerajaan tempatan, dan termasuk mana-mana orang yang menjalankan fungsi-fungsi pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang sedemikian;

“syarat atau sekatan” ertinya syarat atau sekatan yang tertakluk kepadanya lesen diberikan di bawah subseksyen 9(1);

“tempat hiburan” ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan, sama ada sementara atau kekal, atau apa-apa kenderaan di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan atau dicadangkan hendak diadakan dan yang di situ orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan.

## BAHAGIAN II

### PENTADBIRAN

Pelantikan  
Pegawai  
Pelesen.

**3.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik sekian bilangan Pegawai Pelesen yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Pemberitahuan tentang sesuatu pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan kawasan atau daerah yang di dalamnya Pegawai Pelesen itu boleh menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

Kuasa Pihak  
Berkuasa  
Negeri untuk  
mengeluarkan  
arahan.

**4.** Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi mana-mana Pegawai Pelesen arahan-arahan yang bersifat am dan tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini tentang perjalanan kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada Pegawai Pelesen itu melalui Enakmen ini atau mana-mana peraturan dan Pegawai Pelesen itu hendaklah melaksanakan semua arahan sedemikian.

Pemberi -  
kuasaan.

**5.** Pegawai Pelesen boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana pegawai awam atau mana-mana pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan fungsi-fungsi pegawai diberi kuasa di bawah Enakmen ini.

## BAHAGIAN III

## PELESENAN

6. (1) Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan jika pegawai Pelesen telah memberikan— Hiburan tanpa lesen dilarang.

(a) suatu lesen untuk mengadakan hiburan itu; dan

(b) suatu lesen untuk mengadakan hiburan di tempat itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa jika pelanggaran itu adalah berkenaan dengan hiburan yang diperihalkan dalam perenggan (g) atau (h) dalam takrif “hiburan” dalam seksyen 2, hendaklah dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya

7. (1) Tiada seorang pun boleh—

(a) memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa tiket untuk menghadiri, atau mengundang mana-mana orang untuk menghadiri, mana-mana hiburan atau menyebabkan apa-apa pemberian, pembahagian, penjualan, penawaran atau undangan sedemikian dibuat; atau

(b) dengan apa-apa cara mengiklankan atau menyerantakan atau menyebabkan diiklankan atau diserantakan apa-apa hiburan yang hendak diadakan di mana-mana tempat,

Larangan terhadap penjualan tiket, dsb. untuk hiburan tanpa lesen.

melainkan jika suatu lesen telah diberikan berkenaan dengan hiburan dan tempat itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh

didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Permohonan  
untuk  
mendapatkan  
lesen.

**8.** (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pelesen.

(2) Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberikan kepadanya apa-apa maklumat tambahan yang dikehendaknya.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen untuk mengadakan hiburan, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberikan kepadanya—

- (a) skrip, jika ada, tentang hiburan itu;
- (b) butir-butir mengenai orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan atau kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang itu;
- (c) butir-butir mengenai orang yang telah diundang atau bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau telah mengambil bahagian dalam hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang itu; dan
- (d) tujuan yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan.

(4) bagi maksud seksyen ini, ungkapan “skrip”, berhubung dengan sesuatu persembahan lakonan, ertinya teks lakonan itu (sama ada yang dinyatakan dengan perkataan atau simbol muzik atau simbol lain) berserta dengan apa-apa arahan pentas atau arahan lain bagi persembahannya, sama ada terkandung dalam suatu dokumen tunggal atau tidak.

Pemberian  
lesen.

**9.** (1) Pegawai Pelesen boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan lesen atau enggan memberikan lesen yang dipohon di bawah seksyen 8.

(2) Lesen untuk mengadakan hiburan di atau di dalam mana-mana tempat tidak boleh diberikan melainkan jika ada suatu lesen yang sah berkenaan dengan tempat itu.

(3) Lesen berkenaan dengan mana-mana tempat tidak boleh diberikan di dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan melainkan jika pemohon mengemukakan—

(a) suatu lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan itu; atau

(b) kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa tempatan itu,

yang membenarkan tempat itu digunakan sebagai tempat hiburan.

**10.** (1) Walau apa pun seksyen 9, sesuatu lesen hanya boleh dikeluarkan selepas pemohon membayar fi yang ditetapkan. Fi lesen.

(2) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua fi yang dikutip di bawah subseksyen (1) ke dalam—

(a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau

(b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

**11.** (1) Tiap-tiap lesen hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen. Syarat atau sekatan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tempoh lesen. **12.** (1) Sesuatu lesen hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen, tetapi tidak boleh melebihi satu tahun.

Pembaharuan lesen bukan suatu hak. **13.** (1) Sesuatu lesen tidaklah boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikira sebagai permohonan di bawah seksyen 8 untuk mendapatkan lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan. **14.** (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di tempat hiburan—

(a) lesen berkenaan dengan tempat hiburan itu; dan

(b) lesen berkenaan dengan hiburan yang diadakan di tempat hiburan itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Jaminan. **15.** (1) Pegawai Pelesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang supaya memberikan jaminan, yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen untuk memastikan bahawa apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pegawai Pelesen boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucuthakkan kesemua atau sebahagian daripada jaminan itu jika Pegawai Pelesen itu berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pelucuthakan apa-apa jaminan atau mana-mana bahagiannya di bawah subseksyen itu tidaklah boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana

melanggar mana-mana syarat atau sekatan sesuatu lesen atau melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

(4) Pegawai Pelesen hendaklah membayar apa-apa jaminan yang dilucuthakkan di bawah subseksyen (2) ke dalam—

(a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; dan

(b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

**16.** (1) Pegawai Pelesen boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang disampaikan mengikut subseksyen (2) dan (3) membatalkan sesuatu lesen jika telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

Pembatalan lesen.

(2) Tiap-tiap notis pembatalan sesuatu lesen hendaklah disampaikan dengan—

(a) menampalkan suatu salinan notis itu di tempat hiburan; dan

(b) menyampaikan suatu salinan notis itu -

(i) kepada orang yang didapati menjaga dan menguruskan tempat hiburan itu; dan

(ii) kepada pemegang lesen jika orang yang disebut dalam subperenggan (i) bukan pemegang lesen.

(3) Jika notis pembatalan lesen tidak dapat disampaikan mengikut subperenggan (2)(b)(ii), Pegawai Pelesen boleh menghantar notis itu melalui pos berdaftar kepada pemegang lesen di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk mendapatkan lesen itu; dan tiap-tiap

notis yang dihantar melalui pos berdaftar mengikut subseksyen ini hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya mengikut dan dengan mematuhi kehendak seksyen ini.

(4) Apabila sesuatu lesen taman hiburan dibatalkan di bawah seksyen ini, lesen-lesen untuk semua tempat hiburan lain yang terletak di dalam taman hiburan itu hendaklah dianggap sebagai terbatal.

(5) Pembatalan sesuatu lesen tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

Rayuan.

**17.** (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

- (a) keputusan Pegawai Pelesen di bawah seksyen 9 yang enggan memberikan kepadanya lesen;
- (b) mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen di bawah subseksyen 11(1);
- (c) pelucuthakan jaminan di bawah subseksyen 15(2); atau
- (d) pembatalan lesennya di bawah subseksyen 16(1),

boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu secara bertulis tentang keputusan, syarat, sekatan, pelucuthakan atau pembatalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tiap-tiap rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengesahkan atau mengenenpikan keputusan Pegawai Pelesen dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad dan konklusif

dan tidak boleh dipersoalkan atau berupaya dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

#### BAHAGIAN IV

##### KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP, MENYITA, MELUCUTHAKKAN, DSB.

**18.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa atau seseorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh menjalankan semua kuasa penguatkuasaan di bawah Enakmen ini.

Kuasa penguatkuasaan.

(2) Tiap-tiap pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan, hendaklah menyatakan jawatannya dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak apa-apa kad kuasanya kepada orang itu.

**19.** (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

Kuasa penyiasatan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu boleh mengeluarkan perintah kepada seseorang pemegang lesen atau mana-mana orang bagi tujuan membantu penyiasatannya dan mendapatkan pematuhan terhadap Enakmen ini.

**20.** Mana-mana pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh, bagi maksud menguatkuasakan Enakmen ini, melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

Kuasa tambahan.

(a) melawat, memasuki, memeriksa dan meneliti dengan atau tanpa notis mana-mana tempat hiburan pada bila-bila masa yang munasabah pada siang atau malam hari;

- (b) menghendaki pengemukaan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disimpan oleh pemegang lesen atau mana-mana orang dan memeriksa, meneliti dan menyalin mana-mana daripadanya;
- (c) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan; atau
- (d) membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dipatuhi.

Kuasa menutup tempat hiburan.

**21.** (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan kuasa di bawah Enakmen ini boleh, dengan serta-merta mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup sesuatu tempat hiburan jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau
- (b) hiburan yang diadakan di dalamnya melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

(2) Bagi maksud seksyen ini “menutup” ertinya membuat atau menyebabkan tempat hiburan tersebut tidak boleh beroperasi sebagai suatu tempat hiburan.

(3) Tiada pampasan boleh dibayar bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penutupan terus mana-mana tempat hiburan di bawah seksyen ini.

Kuasa menangkap tanpa waran.

**22.** (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran—

- (a) mana-mana orang yang semunasabahnya di percayai olehnya telah melakukan atau cuba untuk

melakukan, atau menggunakan atau membantu mana-mana orang lain untuk melakukan atau menyubahati pelakuan sesuatu kesalahan terhadap Enakmen ini atau mana-mana peraturan;

- (b) mana-mana orang yang enggan untuk memberikan nama atau alamatnya apabila diminta; atau
- (c) mana-mana orang yang memberikan nama dan alamatnya tetapi pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu ada sebab untuk percaya bahawa nama atau alamat yang diberikan bukanlah nama atau alamatnya yang sebenar.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah dibawa ke balai polis yang paling hampir dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah dalam masa dua puluh empat jam dari penangkapannya, tetapi seseorang yang ditangkap di bawah perenggan (1)(b) atau (1)(c) hendaklah dilepaskan atas jaminan jika nama dan alamatnya dapat dipastikan.

**23.** (1) Jika pada hemat seseorang Majistret berdasarkan maklumat bertulis yang diberikan dengan sumpah dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk percaya bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan sedang atau telah dilakukan di mana-mana tempat hiburan, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang dinamakan di dalamnya untuk masuk ke dalam tempat itu pada bila-bila masa yang munasabah pada siang atau malam hari, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan.

Penggeledahan  
dengan waran.

(2) Pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor boleh, dalam tempat yang dimasuki di bawah subseksyen (1),

menggeledah dan menyita apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang mengandungi atau dengan semunasabahnya dipercayai mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan dan mungkin mendedahkan keterangan mengenai pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

(3) Pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penggeledahan di bawah subsekyen (1) boleh, jika pada pendapatnya adalah semunasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di tempat itu tetapi tiada seorang pun wanita boleh diperiksa kecuali oleh seorang wanita lain.

(4) Pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang memasuki mana-mana tempat hiburan menurut kuasa seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan apa-apa kelengkapan sebagaimana yang pada hematnya perlu.

(5) Pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor hendaklah, semasa meninggalkan tempat hiburan itu, jika tempat hiburan itu tidak berpenghuni atau penghuninya tiada pada masa itu, meninggalkan tempat itu dalam keadaan yang selamat daripada penceroboh sebagaimana sebelum dia memasukinya.

(6) Pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang membuat pemeriksaan ke atas seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita, menahan atau mengambil milik apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang dijumpai pada orang itu bagi maksud penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai itu.

(7) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah seksyen ini, pegawai yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara mengelak barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu di dalam tempat atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(8) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (7) atau memindahkan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

**24.** Jika pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 23 mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor itu boleh masuk ke dalam tempat hiburan itu dan menjalankan semua kuasa yang disebut dalam seksyen 23 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran.

**25.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda disita di bawah Bahagian ini, pegawai yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan segera menghantarsahkan satu salinannya yang ditandatangani olehnya kepada penghuni tempat yang digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di tempat itu.

Senarai benda disita.

(2) Jika tempat itu tidak berpenghuni, pegawai yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di tempat itu.

Waran boleh diterima walaupun cacat.

**26.** Sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini hendaklah sah dan boleh diterima walaupun terdapat apa-apa kecacatan, kesilapan atau ketinggalan di dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.

**27.** (1) Pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh dengan perintah bertulis menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapat pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman bagi memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.

**28.** (1) Pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang ditunjukkan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat disisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

(6) Apa-apa pernyataan yang diberikan dan direkodkan di bawah seksyen ini hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding dalam Mahkamah.

**29.** Semua barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakkan. Pelucuthakan.

Pelucuthakan  
jika ada  
pendakwaan.

**30.** (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan; dan
- (b) mana-mana barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang dilucuthakkan di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pelesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pegawai Pelesen itu.

Pelucuthakan  
jika tiada  
pendakwaan.

**31.** (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang telah disita di bawah Enakmen ini, maka barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum habis tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(2) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini

dan bahawa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pegawai Pelesen bahawa dia menuntut barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita itu.

(3) Apabila Pegawai Pelesen menerima notis di bawah subseksyen (2), dia boleh mengarahkan supaya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

- (a) orang yang menuntut bahawa dia ialah pemunya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita; dan
- (b) orang yang daripadanya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam perenggan (4)(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subseksyen (5) berkenaan dengan sesuatu barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda, Majistret berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan; dan

- (b) barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu.

Kos  
memegang  
barang, dsb.,  
yang disita.

**32.** Jika apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini dipegang dalam jagaan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan, kos bagi memegang benda itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati telah melakukan suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan itu oleh orang itu dan hendaklah didapatkan sewajarnya.

Tiada kos  
atau ganti  
rugi  
berbangkit  
daripada  
penyitaan  
boleh  
didapatkan.

**33.** Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa  
pegawai polis  
tidak  
tersentuh.

**34.** Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

**35.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

Pelindungan  
pemberi  
maklumat.

